

# KENAPA PILEHANRAYA DI-ADAKAN?

oleh

Mohd. Salleh bin Abas  
LL.B. Wales, Barrister-at-Law, Middle Temple.



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA



# KENAPA PILEHANRAYA DI-ADAKAN?

oleh

**Mohd. Salleh bin Abas**

L.L.B., Wales, Barrister-at-Law, Middle Temple.

楊 貢 証 珍 藏  
*Koleksi Yang Quee Yee*



YANG QUEE YEE

~~YANG QUEE YEE~~

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA,  
KEMENTERIAN PELAJARAN,  
TANAH MELAYU.

50 sen

## KATA PENGANTAR

Risalah ini merupakan satu lagi siri dalam penerbitan2 Dewan ini yang di-terbitkan bersesuaian dengan masa dan ketika-nya, ia-itu tatkala seluruh ra'ayat di-tanah ayer kita ini sedang menghadapi Pilehanraya Dewan Ra'ayat dan Dewan2 Undangan Negeri. Kandungan risalah ini bukan sahaja berguna sa-kadar dalam masa yang tertentu ini sahaja, bahkan boleh di-gunakan sa-bagai panduan di-sapanjang masa negara kita ini mengamalkan sistem demokrasi berparlimen, terutama-nya pada bila2 masa yang memerlukan supaya di-adakan pilehanraya.

Dengan keterangan2 sa-chara ringkas dan mudah di-faham, risalah ini akan dapat menolong sa-saorang warga negara yang ingin hendak mengetahui berbagai perkara berkaitan dengan hal ahwal pilehanraya, seperti mengenai sebab2-nya maka di-adakan pilehanraya, chara2 pertadbiran-nya, pantang larang-nya, dan lain2 lagi yang menasabah dan patut di-ketahuui oleh tiap2 orang ra'ayat yang chintakan Demokrasi.

Mustahak rasa-nya di-sebutkan, ia-itu risalah ini telah di-susun oleh Ence' Mohd. Salleh bin Abas, sa-orang pakar dalam hal undang2 dan terkenal sa-bagai sa-orang ahli dalam Undang2 Antarabangsa. Kapada beliau di-uchapkan tahniah dan insha' Allah ada beberapa lagi hasil usaha2 beliau akan menyusul dari sa-masa ka-samasa menerusi penerbitan2 Dewan ini.

Syed Nasir bin Ismail

Pengarah

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kuala Lumpur, April 1964.

## KENAPA DI-ADAKAN PILEHANRAYA?

SEBAB di-adakan pilehanraya itu bukanlah sa-mata2 kerana hendak menunaikan kehendak2 yang terkandong di-dalam Perlembagaan Persekutuan dan Negeri; bahkan ia-lah untuk menentukan pihak berkuasa yang akan memerintah negeri ini di-dalam masa lima tahun datipada sekarang.

Di-satengah2 negeri di-dalam dunia ini, chara menentukan siapa-kah yang berhak memegang kuasa memerintah telah di-lakukan dengan jalan metampas kuasa, dan chara ini biasa-nya ia-lah dengan menggunakan kekuatan senjata. Sunggoh-nya di-sini-lah letak-nya perbedaan di-antara demokrasi dengan diktator. Demokrasi berpegang kapada kepercayaan bahawa kuasa dan asas kerajaan itu terletak di-tangan ra'ayat, dan bukan-nya di-tangan sa-siapa yang menjalankan pemerintahan. Dengan persetujuan ra'ayat-lah sa-sabuah kerajaan itu di-tubuhkan, dan di-sisi pihak kerajaan pula tidak boleh menggunakan kuat-kuasa-nya dengan tidak menghiraukan hak asasi dan kepentingan2 ra'ayat.

Tetapi mengikut chara pemerintahan diktator, kuasa memerintah ia-lah sa-mata2 menjadi milik diktator itu sendiri. Barang siapa chubu menegor atau memberi nasihat atas apa2 yang di-lakukan oleh kerajaan, walau pun di-buat dengan sa-baik2-nya dan sa-bersih2 niat, maka lambat bongat terchebor juga orang itu ka-dalam jorang bahaya yang besar. Dengan sebab mengamalkan chara kekerasan, maka terpaksa-lah diktator itu bergantong kapada kekuatan senjata untuk mengelakkkan pemerintahan-nya. Yang demikian manakala sa-

makin ramai ra'ayat jelata tidak menyukai kerajaan di-sebabkan kezaliman-nya, maka sa-makin bertambah-lah kekuatan senjata-nya. Hingga pada akhir-nya ra'ayat sendiri pula terpaksa menggunakan kekerasan untuk menjatohkan kerajaan itu.

Tetapi yang hairan-nya, manakala jatoh sa-sabuah kerajaan dari sebab pemberontakan, kerajaan yang baharu menggantikan itu pun menjadi bertambah kejam daripada kerajaan yang di-jatohkan itu. Pengalaman yang seperti ini berlaku di-dalam beberapa buah negeri dalam abad yang kedua puluh sekarang. Sebab-nya maka berlaku demikian ia-lah ketara perasaan saling mengerti dan mahu bertolak angor sudah tidak ada lagi. Orang yang kebiasaan-nya suka bergaduh ketara hendak membuat sa-suatu perubahan tidak ada lain lagi yang tersemat di-hati-nya, melainkan perasaan benci, marah dan hasad.

Dalam pada itu, walaupun demokrasi berasaskan kapada kekuatan ra'ayat dan kerajaan mestilah memerentah mengikut sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh ra'ayat, tetapi demokrasi tidak akan hidup kekal dan berjaya sa-kira-nya tidak ada di-kalangan ra'ayat perasaan patoh dan menghormati Undang2 serta perasaan sedia bertolak angor dan saling mengerti; tiap2 satu pertelingkahan janganlah di-putuskan dengan kekuatan senjata, tetapi hendak-lah dengan sa-chara keadilan Mahkamah, dan suara ramai. Demikian juga pilhanraya yang di-gunakan sa-bagi alat yang akan menentukan sa-siapa yang akan berkuasa menjadi kerajaan itu tidak akan bermakna sa-kira-nya Undang2 ini tidak di-permulia dan di-hormati, dan Undang2 ini pula tidak akan di-hormati melainkan ia-nya berasas dan berpedoman kepada pilhan bebas, ya'ani pilhan yang menepati maksud bahawa ra'ayat di-beri hak memilih

di-dalam pilhanraya itu dengan sa-kehendak hati serta mengikut timbangan dan fikiran-nya masing2, dan tidak boleh di-ganggu atau di-ugut oleh si-siapa jua pon.

Untuk menyelenggarakan sa-satu pilhanraya yang bebas, amat-lah mustahak-nya di-adakan tiga sharat yang tersebut di-bawah ini: —

- (1) Pilhanraya itu mestilah di-jalani dan di-tadbirkan oleh satu badan yang bebas dan di-perchayai oleh rakyat;
- (2) Pilhanraya itu mestilah di-jalankan dengan bersih dan terjauh daripada perbuatan2 yang tidak jujar;
- (3) Segala pertelingkahan mengenai pilhanraya mestilah di-selesaikan dengan sa-berapa segera-nya oleh sa-buah Mahkamah Khas.

## ( II )

### BADAN MENTADBIRKAN PILIHANRAYA

Di-dalam Undang2 negeri kita ini, tadbiran pilhanraya di-serahkan kepada sa-buah badan di-namakan Surehanjaya Pilhanraya. Surehanjaya ini terdiri daripada sa-orang pengurus dan tiga orang ahli. Keempat2-nya di-lantek oleh Yang Di-Pertuan Agong, ia-itu sa-sudah di-timbang dan di-halus betapa mustahak-nya di-lantek sa-buah Surehanjaya yang boleh di-hormati dan di-perchayai oleh rakyat sakalian. Yang demikian orang2 yang di-sikirkan boleh terpengaroh ia-itu seperti golongan orang2 yang tersebut di-bawah ini tidak-lah boleh di-lantek. Orang ini ia-lah: —

- (1) Orang yang nullis (bengkerap).
- (2) Orang yang memegang jawatan yang bergaji. (\*)
- (3) Ahli Dewan Ra'yat dan Dewan Negeri.

Apabila telah di-lantek sa-saorang Ahli Surehanjaya itu maka ia akan memegang jawatan ini sa-hingga genap umur-nya esam puluh lima tahun, melainkan sa-belum meningkat kapada umur itu dia meletakkan jawatan-nya atau hilang kelayakan-nya menjadi Ahli Surehanjaya itu. Apabila sa-saorang ahli itu telah di-lantek, maka ia tidak boleh dipercat daripada jawatan-nya melainkan sa-sudah mendapat timbangan dan surau daripada Jema'ah Hakim yang terdiri daripada lima orang Hakim Mahkamah Tinggi. Ini bererti bahawa peraturan memecat sa-saorang ahli itu sama-lah seperti peraturan memecat sa-saorang Hakim Mahkamah Tinggi.

Ada pun gaji Ahli Surehanjaya itu di-tetapkan oleh Undang2 dan di-tentukan pembayaran-nya daripada kumpulan wang yang di-satukan. Sa-lagi dia menjadi ahli, gaji-nya tidak boleh di-kurangkan, tetapi boleh di-tambah.

Untuk menjalankan kewajipan-nya, maka Surehanjaya Pilehanraya di-beri kuasa membuat beberapa peraturan serta melantek beberapa pegawai dan kaki-tangan untuk menyelenggarakan pilehanraya.

### (III)

#### KEBERASAN PILEHANRAYA

Pilehanraya itu tidak akan bebas dan bersih daripada perbuatan2 yang tidak jujut jika tidak di-adakan satu Undang2 (\*) Lihat makam-nya di-dalam perkara 160 Perlombongan Penekutuan.

yang akan mengawal pilehanraya itu. Undang2 bukan sahaja di-kenakan kepada chalun2 yang bertanding dan kepada wakil2 pilehanraya mereka, bahkan juga kepada pegawai dan kaki-tangan Surohanjaya Pilehanraya sendiri dan kepada pengundi2.

Pegawai2 dan kaki-tangan Surohanjaya terpaksa mengangkat sumpah merahsiakan segala perkhabaran2 yang didapati dalam masa menjalankan tugas jawatan-nya, dan mereka mesti-leh menjalankan kewajipan masing2 dengan telus ikhlas dan tidak menunjok kechenderongan atau sokongan yang merupakan berat sa-beleh kepada mana2 pihak. Demikian juga mereka di-tegah bershubhat dengan chalun2, wakil2 pilehanraya bagi chalun2 dan pengundi2, iaitu seperti memberitahu kepada si-siapa mengenai kertas undi yang ditandakan oleh si-sorang pengundi, memberi kertas undi kepada orang yang tidak berhak menerima-nya atau mengubahkan rekod2 pilehanraya, dan lain2 perbuatan lagi.

Sa-lain daripada ini, Undang2 mensifatkan satengah2 perbuatan sa-bagai kesalahan yang di-namakan *amalan yang tidak jujur*. Kesalahan ini terdiri daripada beberapa perbuatan seperti: —

- (1) Mengundi dengan menggunakan nama orang lain atau nama orang yang sudah mati.
- (2) Memberi jambuan makanan dan minuman, dan lain2 pemberian kepada pengundi2.
- (3) Menjalankan pengaroh dengan chara yang tidak lurus, seperti mengugut pengundi2 atau memaksa mereka.
- (4) Memberi upah atau hadiah kepada pengundi2.

Sa-lain daripada perbuatan2 ini ada pula sa-jenis perbuatan yang di-tegah, di-namakan *amalan salah*. Perbuatan2 ini khas-nya di-kenakan kapada chalun2 dan wakil pilehanraya mereka. Di-sini berma'ana-lah tiap2 sa-orang chalun itu mesti-lah bertanding dengan mengikut satu batasan yang dibuat oleh Undang2. Batasan itu ia-lah:—

- (1) Tiap2 sa-orang chalun itu mesti-lah ada sa-orang penolong-nya yang di-namakan *wakil pilehanraya*. Orang yang akan menjadi wakil pilehanraya ini mesti-lah sa-orang yang layak menjadi chalun dan bersih daripada apa2 rekod jenayah yang burok. Kewajipan-nya ia-lah menyelenggarakan segala urusan wang dan perbelanjaan berkenaan pilehanraya, dan membuat apa2 yang patut, supaya chalun itu boleh bebas ka-sana ka-mari untuk menjalankan usaha2 mengenai pertandingan-nya.
- (2) Tiap2 perkiraan wang untuk perbelanjaan pilehanraya mesti-lah ada di-dalam jagaan wakil pilehanraya, dan segala perbelanjaan mesti-lah di-buat oleh-nya atau orang yang di-kuasai-nya. Tetapi chalun itu sendiri boleh membelanjakan wang satakat \$1000/- untuk perbelanjaan dalam menjalankan usaha2 mengenai pilehanraya bagi diri-nya.
- (3) Wang untuk perbelanjaan itu mesti-lah tidak lebih daripada yang di-hadkan ia-itu \$10,000/- untuk pilehanraya Dewan Ra'ayat, dan \$7,500/- untuk pilehanraya Dewan Negeri. Tetapi angka ini tidak termasuk bayaran kapada wakil pilehanraya itu, dan wang untuk perbelanjaan diri chalun. Wakil chalun itu boleh bekerja dengan perchuma sahaja; tetapi jika dengan bayaran dia boleh-lah menerima

- \$1000/- bagi pilehanraya Dewan Ra'ayat dan \$750/- bagi pilehanraya Dewan Negeri.
- (4) Segala pembayaran dan perbelanjaan2 yang di-buat mesti-lah di-sokong atau di-buktikan oleh surat hutang dan surat bayaran, melainkan pembayaran itu kurang daripada \$10/- atau sa-memang-nya tidak memakai surat bayaran, seperti teket keretapi dan setem.
- (5) Di-dalam tempoh 14 hari daripada tarikh di-siarkan keputusan pilchanraya, segala tuntutan berkenaan dengan perbelanjaan pilchanraya mesti-lah di-sampaikan kepada wakil pilehanraya itu, dan di-dalam tempoh 28 hari daripada tarikh yang tersebut, segala tuntutan2 ini mesti-lah di-jelaskan, kechuali-lah jika wakil chalun itu tidak bersetuju dengan tuntutan itu. Dan sa-lepas tiga puluh satu hari daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehanraya, suatu penyata berkenaan perbelanjaan pilehanraya mesti-lah di-buat dan di-hantarkan kepada pegawai yang berkenaan ia-itu Penyelia Pilchanraya. Penyata ini mesti-lah di-buat mengikut borang yang di-tentukan oleh Undang2.
- (6) Orang2 yang akan bekerja menolong sa-saorang chalun itu di-hadkan oleh Undang2 supaya tertentu bagi tiap2 sa-orang chalun boleh memakai hanya sa-orang wakil pilehanraya, sa-orang wakil pengundi bagi tiap2 satu tempat mengundi dan beberapa orang kerani, dan penyuroh yang di-anggarkan patut dengan memandang kapada luas-nya bahagian pemilehan itu dan ramai-nya pengundi2 di-dalam-nya.

- (7) Kereta2 dan apa juu kenderaan yang sa-memangnya di-gunakan untuk sewa tidak boleh di-gunakan atau di-sediakan untuk membawa pengundi2 berulang-alik ka-tempat mengundi, dan wang tidak-lah boleh di-belanjakan oleh sa-saorang chalun atau wakil pilehanraya-nya untuk menyewa kereta atau apa2 kenderaan sa-kali pun. Tetapi sa-saorang pengundi atau beberapa orang pengundi2 boleh berkongsi menyewa kereta untuk membawa diri mereka ka-tempat mengundi itu. Membayar sewa untuk sa-saorang pengundi yang lain ada-lah di-anggap salah ia-itu di-pandang sa-bagai satu amalan yang salah. Dan lagi sa-kira-nya pengundi2 itu terpaksa menyeberang laut atau sungai sa-belum sampai ka-tempat mengundi, maka Undang2 membenarkan wang di-belanjakan bagi menyewa perahu atau kenderaan yang lain untuk menyeberang laut dan sungai itu.
- (8) Pembayaran tidak boleh di-buat kapada sa-saorang pengundi kerana menggunakan rumah-nya atau tanah-nya untuk menampalkan apa2 i'lan pilehan-ray, melainkan jika pembayaran itu di-buat mengikut keadaan yang biasa dan pengundi itu sa-memang-nya bekerja berkenaan dengan i'lan.
- (9) Dalam masa antara hari pelantekan chalun dengan hari mengundi, tidak-lah boleh sa-siapa beruchap kapada orang ramai bagi pehak sa-saorang chalun, atau mengecek2 orang ramai supaya mengundi kapada sa-orang chalun, melainkan orang ini mempunyai kuasa yang bertulis daripada wakil pilehan-ray chalun itu. Dan sa-kira-nya pula hendak di-adakan pejabat di-dalam sa-sabuah bahagian pemilich-

an untuk menolong pengundi2 menchari bilangan nama-nya di-dalam daftar pengundi, maka tiap2 chalun itu di-benarkan membuka tidak lebuh dari-pada empat buah pejabat bagi tiap2 satu tempat mengundi, tetapi **sharat**-nya:—

- (a) Tiap2 pejabat itu mesti-lah di-jagai pada satu ketika atau masa tidak lebuh daripada empat orang;
  - (b) Tiap2 satu-nya tidak menggunakan kawasan lebuh daripada 50 kaki persegi; dan
  - (c) Letak-nya di-tempat yang di-benarkan oleh Pegawai Pilchanraya.
- (10) Pada hari mengundi pula, tiap2 sa-orang majikan mesti memberi peluang dan kebebasan kepada pekerja2-nya pergi mengundi dengan tidak memotong gaji2 mereka.
- (11) Pada hari mengundi, perkakas2 bunyi2an dan pem-besar suara tidak-lah boleh di-gunakan untuk meng-hebahkan di'ayah2 politik; dan pada hari itu juga tidak-lah di-benarkan memakai, mengguna atau membawa bendera2, tanda2 chogan, poster dan label yang membedzakan di-antara sikiran atau pendapat yang di-akui oleh sa-orang chalun dengan chalun yang lain. Tetapi tanda pilchanraya yang bidang-nya tidak lebuh daripada tujoh inchi persegi sa-bagai menunjukkan tanda pilchanraya sa-saorang chalun itu boleh-lah di-tampalkan di atas kereta atau lain2 kenderaan atau di-mana2 tempat, dan boleh-lah juga di-bawa. Pada hari itu juga bendera dan sa-bagai-nya tidak boleh di-gunakan di-tempat yang letak-nya sa-jauh lima puluh cla daripada perenggan

tempat mengundi itu. Dan di-dalam kawasan perenggan lima puloh cla ini tidaklah di-benarkan sa-saorang itu melakukan salah satu daripada perbuatan yang berikut:

- (a) Chuba mengecamkan atau mengenalkan orang yang masuk ka-dalam tempat mengundi;
- (b) Menyemak daftar pengundi berkenaan dengan orang yang keluar masuk ka-dalam tempat mengundi itu;
- (c) Meletakkan kerusi meja atau membuka pejabat untok pilihanraya;
- (d) Mengecek2 dengan tujuan meminta sa-saorang pengundi itu mengundi atau menchegah diri-nya daripada mengundi kapada mana2 chalun.
- (e) Menanti2 atau berleka2 melainkan untok masuk ka-dalam tempat mengundi kerana maksud mengundi sahaja.

#### (IV)

##### KESALAHAN

Dengan melanggar segala kandongan Undang2 yang tersbut di atas tadi ada-lah di-anggap sa-bagai melakukan kesalahan yang di-namakan amalan salah. Kerana melakukan kesalahan ini, maka sa-saorang yang bersalah itu boleh di-hukum denda sa-banyak \$500/. Dan bagi orang yang melakukan kesalahan amalan tidak jujut pula bolch di-hukum penjara

sa-lama 12 bulan dan bersajalan dengan itu di-denda tidak kurang daripada \$250/- tetapi tidak lebih daripada \$1000/-. Undang2 pilehanraya menentukan tiga jenis kesalahan:—

- (1) Kesalahan *amalan tidak jujor*;
- (2) Kesalahan *amalan yang salah*; dan
- (3) Kesalahan yang berhabit dengan pegawai2 dan kaki-tangan surohanjaya pilehanraya seperti tipu menipu dan sa-bagai-nya. Kesalahan ini di-namakan *kesalahan pilehanraya*. Bagi kesalahan ini, hukumnya ia-lah penjara sa-lama enam bulan atau denda sa-banyak \$500/- atau kedua2-nya sa-kali.

Kesalahan pilehanraya dan kesalahan amalan tidak jujor boleh-lah di-tangkap oleh sa-siapa pun dengan tidak berwaran, dan perbicharaan bagi ketiga2 jenis kesalahan ini tidak boleh di-mulakan, melainkan sa-telah mendapat persetujuan Penda'awa Raya atau Timbalan-nya.

Sa-lain daripada hukum2 yang di-kenakan ka atas sa-siapa yang thabit kesalahan-nya, maka ada lagi akibat yang di-kenakan ka atas orang itu. Akibat ini ia-lah sa-lama lima tahun mulai daripada tarikh thabit kesalahan-nya, orang itu tidak layak menjadi chalun atau wakil pilehanraya atau pengundi, atau pun mengambil apa2 bahagian di-dalam sa-suatu pilehanraya, melainkan dia telah mendapat ampunan daripada Raja.

Dan lagi sa-kira-nya kesalahan2 itu di-lakukan oleh chalun sendiri, atau wakil pilehanraya-nya, atau pun oleh orang lain dengan sa-tahu dan persetujuan chalun itu, atau wakil pilehanraya-nya, neschaya tidak sah-lah pilehanraya itu, dan jika di-dalam pilehanraya itu chalun ini telah di-pilch, neschaya tidak sah-lah pemilehan bagi-nya. Dan dari semenjak tarikh thabit kesalahan itu, kerusi chalun itu menjadi

kosong, dan jika dia mengambil bahagian di-dalam persidangan Dewan Ra'ayat atau Dewan Negeri, neschaya ber-salah-lah ia lagi, dan dengan sebab ini, dia boleh di-denda sa-banyak \$500/- pada tiap2 hari yang dia mengambil bahagian di-dalam persidangan itu.

## ( V )

### MAHKAMAH PILEHANRAYA

Oleh kerana si-memang-nya sukar hendak mengadakan satu pilehanraya yang berseh daripada segala chachat dan chela, maka Undang2 menubohkan sa-buah Mahkamah Khas di-namakan *Mahkamah Pilehanraya* untuk memutuskan segala pertelingkahan dan membetulkan segala kesalahan2 yang dilakukan dengan tidak sengaja. Lebih kurang sa-ratus tahun dahulu, tugas ini di-jalankan oleh Parlimen sendiri. Tetapi pada zaman ini oleh kerana di-fikirkan susah dan lambat mendapat keputusan daripada Parlimen, maka pekerjaan ini di-serahkan kepada Mahkamah.

Mahkamah Pilehanraya ini ia-lah terdiri daripada Hakim Besar, atau sa-orang Hakim Mahkamah Tinggi yang dilantek oleh Hakim Besar untuk membicharakan hal2 pilehanraya. Peratoran Mahkamah Pilehanraya ini sama-lah seperti Mahkamah Tinggi, dan kuasa-nya pun sama. Yang demikian Mahkamah ini boleh memanggil saksi2 supaya hadhir, dan saksi2 ini boleh pula di-pereksa dan di-so'al serta memberi keterangan2 di-dalam sa-suatu perbincaraan. Barang siapa yang enggan menuaikan perintah Mahkamah ini boleh-lah di-hukum sa-bagai melakukan kesalahan menchercha kehormatan Mahkamah.

Pekerjaan Mahkamah Pilehanraya ini ia-lah terbahagi kepada tiga bahagian: —

- (1) Membicharakan perkara rayuan pilehanraya yang terbit daripada pengaduan kapada Mahkamah supaya membatalkan pilehan sa-saorang chalun, atau lainnya;
- (2) Membuat perentah membebaskan chalun atau wakil pilehanraya-nya daripada akibat kemungkinan menghantar penyata perbelanjaan pilehanraya, atau kerana menghantarkan satu penyata yang ada mengandungi kesilapan dan mengelirukan orang; dan
- (3) Membuat perentah membebaskan chalun, dan wakil pilehanraya-nya daripada tuduhan melakukan kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah, yang telah di-lakukan oleh orang lain dengan tidak sa-tahu dan dengan tidak persetujuan mereka.

#### **RAYUAN PILEHANRAYA**

Rayuan pilehanraya boleh-lah di-kemukakan kapada Hakim Pilehanraya supaya mendapat keputusan bahawa pilehanraya itu tidak sah, atau pemilihan kapada sa-saorang chalun itu tidak sah, dan chalun yang lain sa-patuinya dipilih menang. Rayuan ini boleh-lah di-buat oleh sa-orang pengundi di-dalam pilehanraya itu atau orang yang mempunyai hak mengundi, atau pun oleh chalon sendiri dengan aksan2: —

- (1) Amalan tidak jujor, seperti memberi upah, memberi jaminan, mengugut dan sa-bogai-nya telah berlaku di-dalam pilehanraya itu, dan dari amalan ini-lah telah menyebabkan terjadi-nya keputusan yang dimusikikan itu;

- (2) Pilehanraya itu di-jalankan dengan tidak mengikut Undang2 berkenaan pilehanraya, dan dengan sebab ini-lah keputusan pilchanraya itu telah di-dapati seperti itu;
- (3) Satu kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah telah di-lakukan oleh chalun sendiri, atau oleh orang lain tetapi dengan sa-tahu dan persetujuan chalun itu atau wakil pilehanraya-nya;
- (4) Orang yang di-pakai oleh chalun menjadi wakil pilehanraya-nya atau wakil2 yang lain lagi ia-lah orang yang sa-memang-nya di-dalam tempoh tujuh tahun dahulu daripada pekerjaan-nya itu telah di-dapati thabit bersalah dalam perkara melakukan kesalahan amalan tidak jujor, atau pun telah di-laporkan melakukan kesalahan itu oleh Hakim Pilehanraya;
- (5) Chalun itu pada ketika pilehanraya sa-memang-nya orang yang tidak mempunyai kelayakan, rayuan ini mesti-lah di-kemukakan ka-Mahkamah di-dalam tempoh dua puluh satu hari sa-lepas daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehanraya, atau pun di-dalam tempoh dua puluh lapan hari sa-lepas daripada tarikh berlaku-nya kesalahan membayar wang atau memberi hadiah yang di-tegah oleh Undang2 itu, ia-itu sa-kira-nya rayuan itu beralaskan kapada kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah yang telah di-lakukan sa-lepas daripada pilehanraya. Tetapi sa-kira-nya rayuan itu beralaskan kapada kemushkilan penyata perbelanjaan pilehanraya, maka boleh-lah rayuan itu di-kemukakan di-dalam tempoh

empat belas hari sa-lepas daripada tarikh di-siarkan penerimaan penyata itu.

Dalam perbincaraan mengenai perkara rayuan pilehanraya itu, mesti-lah Hakim Pilehanraya itu memberi peluang kapada chalun2 yang lain, mana2 pengundi di-dalam bahagian pilehan itu atau Peguam Negara untuk membuat apa2 pandangan kapada Mahkamah berkenaan dengan hal rayuan itu. Dan orang yang membuat rayuan itu pula mesti-lah membuktikan segala alasan2-nya dengan keterangan2 yang memuaskan hati Hakim Pilehanraya itu.

Sa-telah tamat perbincaraan itu, Hakim Pilehanraya mesti-lah membuat keputusan dan menghantarkan kapada Surohanjaya Pilehanraya satu pengakuan dan laporan yang mengandungi keputusan itu. Apabila pengakuan itu di-buat, maka baharu-lah keputusan itu jadi mu'tamad dan penyata pilehanraya pun mesti-lah di-ubah mengikut keputusan ini. Jikalau laporan yang di-buat oleh Hakim itu menyatakan bahawa sa-saorang itu telah melakukan sa-suatu kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah, maka akibatnya sama-lah seperti dia telah di-dapati thabit bersalah melakukan kesalahan ini oleh Mahkamah, dan jikalau orang yang dilaporkan itu chalun, maka terbatalkah pemilihan bagi-nya. Satu salinan laporan itu mesti-lah di-siarkan oleh Surohanjaya di-dalam Warta Kerajaan.

### **Membebaskan Daripada Akibat Kesalahan Amalan Tidak Jujor dan Amalan Salah**

Sa-saorang chalun itu boleh membebaskan diri-nya dari pada akibat kesalahan amalan tidak jujor atau amalan yang salah yang di-lakukan oleh wakil2-nya dengan jalan membuktikan dengan kenyataan2 yang chukup kepada Hakim Pilehanraya ia-itu:

- (a) Kesalahan ini di-lakukan dengan sebab tidak mengikut perentah dan dengan tidak persetujuan dan sa-tahu chalun itu, atau wakil pilchanraya-nya;
- (b) Chalun itu dan wakil pilchanraya-nya telah mengambil segala langkah yang menasabah bagi mengelakkan daripada berlaku-nya kesalahan ini;
- (c) Kesalahan ini tidak bagitu mustahak; dan sa-kira-nya bukti ini memuaskan hati Hakim, dan sa-lepas dia memberi peluang kepada Peguam Negara membuat apa2 pandangan, maka baharu-lah dia membuat satu laporan mengenai hal ini kepada Surohanjaya Pilchanraya. Dan dengan sebab laporan ini-lah maka terlepas chalun itu daripada bahaya atau akibat kesalahan ini. Di-sini elok-lah di-ingatkan ia-itu sa-saorang chalun itu boleh di-lepaskan dari-pada akibat ini sa-kira-nya dia tidak terlibat langsung di-dalam hal ini.

Sa-lain dari pada pembebasan chalun itu dengan jalan laporan yang di-buat oleh Hakim Pilchanraya, maka sa-saorang chalun atau wakil pilchanraya-nya atau wakil yang lain boleh-lah membuat satu permohonan supaya tidak di-kenakan kapada mereka akibat melakukan kesalahan amalan yang salah itu. Dari itu jikalau di-buktikan kapada Hakim Pilchanraya dengan keterangan yang memuaskan hati bahawa satu kesalahan amalan yang salah telah berlaku, dan kesalahan ini di-lakukan dengan tidak sengaja, atau dengan sebab silap hitongan, dan bukan-nya dengan kerana niat jahat, maka boleh-lah Hakim itu membuat perentah membebaskan sa-saorang itu daripada akibat kesalahan itu. Tetapi sa-belum di-buat perentah ini, mesti-lah Hakim itu memberi peluang kapada chalun2, pegawai pilchanraya, dan mana2 pengundi

di-dalam bahagian pemohonan itu mengemukakan pendapat kepada Hakim. Jika sa-sudah daripada mendengar keterangan2 orang yang memohon serta pendapat2 daripada mana2 pihak yang tersebut. Mahkamah itu berpendapat ia-itu patut dan adil sa-saorang itu tidak di-kenakan akibat ini, maka baharu-lah Hakim itu membentuk perentah.

### **Membebaskan Diri daripada Kemungkiran Menghantar Penyata Pilehanraya**

Undang2 memandang berat kapada chara membelanjakan wang di-dalam pilehanraya supaya chalun2 yang kaya tidak dapat mempengaruhi pengundi2 dengan sebab wang. Dari itu penyata perbelanjaan pilehanraya mesti-lah di-buat di-dalam tempoh tiga puluh satu hari sa-lepas daripada tarikh di-siarkan keputusan pilehanraya itu. Jikalau penyata ini tidak di-buat, atau pun di-buat, tetapi mengandungi kesilapan dan perkara2 yang mengelirukan, maka akibatnya sama-lah seperti chalun itu atau wakil pilehanraya-nya melakukan satu kesalahan amalan yang salah, dan pilehan chalun itu tidak sah. Untuk melepaskan daripada akibat itu, maka Undang2 telah membenarkan chalun atau wakil pilehanraya-nya membuat satu permohonan kepada Mahkamah Pilehanraya supaya tidak di-kenakan kapada-nya akibat2 ini; tetapi syarat-nya hendak-lah di-buktikan kepada Mahkamah itu dengan kenyataan2 yang memuaskan hati bahawa kemungkiran dan kesilapan tentang penyata itu di-sebabkan oleh perkara2 yang tidak boleh di-clakkan, seperti sakit, mati dan lain2 sebab yang menasabah, dan berlaku-nya kemungkiran dan kesilapan itu di-sebabkan oleh kesalahan orang lain, dan bukan dengan di-sengajakan dan niat tidak baik chalun itu atau wakil pilehanraya-nya.

Sa-telah di-beri peluang kepada chalun2 yang lain, demikian juga kepada pegawai pilehanraya dan mana2 pengundi di-dalam bahagian pemilihan itu. Jikalau Mahkamah berfikir patut dan adil di-lepaskan chalun itu atau wakil pilehanraya-nya daripada akibat ini, maka bolehlah Hakim itu membuat satu perentahan membebaskan mereka daripada akibat itu. Perentah ini boleh di-buat dengan bersharatkan supaya chalun itu atau wakil pilehanraya-nya membuat satu penyata yang tidak sa-bagitu penoh dan di-hantarkan penyata ini di-dalam tempoh yang di-tentukan.

Dan lagi manakala Hakim membicharakan permohonan ini, Hakim berkuasa memanggil hadhir orang yang tidak membuat apa2 penyata kapada wakil pilehanraya. Dan orang ini boleh-lah di-perentah oleh Mahkamah membuat apa2 penyata itu di-dalam satu tempoh yang di-tentukan. Melanggar perentah ini di-anggap sa-bagai melakukan satu kesalahan amalan yang salah. Jikalau di-dalam perbincaraan itu telah di-buktikan bahawa kemungkinan dan kesilapan berkenaan dengan penyata itu di-sebabkan kechuaian sa-saorang wakil pilehanraya dengan tidak sa-tahu dan persetujuan chalun-nya, dan chalun itu mengambil segala langkah2 yang berpatutan bagi mengelakkan daripada berlaku perkara ini maka akibat2 ini tidak-lah terkena kepada chalun itu.

## (VI)

### PENUTUP

Demikian-lah di-dalam renchana yang ringkas ini saya cuba menerangkan kandongan2 yang mustahak di-dalam Undang2 Pilehanraya. Jikalau pilehanraya itu akan di-guna-

kan untuk menentukan pembentukan sa-sabuah kerajaan, maka amat-lah mustahak-nya pilehanraya itu di-tadbirkan oleh satu badan yang boleh di-perchayai dan adil serta saksama, dan segala gerak geri chalun dan wakil2-nya mesti-lah di-hadkan supaya kebebasan orang lain dapat di-kekalkan. Juga segala pertelingkahan mengenai pilehanraya mesti-lah di-putuskan dengan sa-berapa cepat mungkin, dan keputusannya mesti-lah di-buat oleh sa-buah Mahkamah Khas yang berdasarkan kepada keadilan.

Jikalau ketiga2 sharat ini tidak boleh di-tunaikan, neschaya sukar-lah hendak subor sa-suatu sistem demokrasi itu. Kerana sistem ini bukan-nya sa-bagai satu ilmu sihir atau jampi, bahkan ia-lah satu sistem yang mesti di-alami oleh tiap2 sa-orang ra'ayat yang chintakan demokrasi. Akhirnya sistem demokrasi itu boleh di-rosakkan atau di-hidupkan mengikut kehendak ra'ayat masing2. Di-negeri Jerman sabelum perang dunia yang kedua, Hitler dapat menguasai seluruh negeri Jerman dan menuahkan sa-buah kerajaan yang zalim, bukan-nya dengan sebab dia merampas kuasa, bahkan dengan sebab dia di-pileh oleh orang ramai.

Dari itu alang-kah mustahak-nya sa-saorang ra'ayat itu berfikir dengan sa-halus2-nya kepada siapa-kah dia akan menandakan undi-nya, dan tidak-lah guna-nya di-adakan sistem demokrasi jikalau ra'ayat tidak bersedia mengundi dengan perasaan bertanggong-jawab kepada diri-nya sendiri dan kepada masyarakat. Ra'ayat boleh mengundi dengan perasaan ini dengan tidak mempunyai perasaan takut. Kerana undi-nya itu di-akui oleh Undang2 akan tetap di-simpan sa-bagai rahsia.

Sa-kira-nya pilehanraya itu tidak di-jalankan dengan sa-chara berseh dan tulus ikhlas neschaya jadi-lah nasib sa-

sa-bush negeri itu sa-bagaimana nasib negeri2 di-timor tengah dan di-Afrika Selatan: di-negeri2 tersebut ada bermacam2 chorak fikiran politik dan pemberontakan. Jikalau di-adakan pilehanraya sa-kali pun, pilehanraya itu tidak di-hormati oleh Parti Politik, kerana kesemua-nya di-boat sa-bagai helah sahaja untuk membutakan mata hati ra'ayat. Dari itu tidak-lah hairan kira-nya sa-kpos satu minggu atau dua minggu daripada tamat-nya sa-suatu pilehanraya itu. Parti yang menang di-tudoh oleh Parti yang kalah sa-bagai melakukan churang dan tipu di-dalam pilehanraya itu, dan akibet ini membawa kepada pemberontakan yang menumpahkan darah. Manakala di-negeri yang mempunyai satu Parti Politik sahaja, seperti negeri Komunis, pilehanraya yang di-adakan ia-lah sa-mata2 hendak menunjukkan kepada dunia bahawa negeri itu berasaskan kepada demokrasi dan ra'ayat. Tetapi pada hakikat-nya, tidak ada lebih daripada sa-orang chalun sahaja bagi tiap2 satu jawatan itu, dan jikalau sa-kali pun ada chalun lain yang berani mencantang chalun kerajaan sudah tentu chalun ini tidak akan panjang umur-nya.

Dari itu jelas-lah kepada kita betapa mustahak-nya pilehanraya yang bebas dan bersih itu kepada sistem demokrasi.